

Kenaikan harga baja, diesel ancam kos makanan rakyat



MUKHTARUDDIN



MAD NASIR

Ia perlu ditangani dengan langkah dasar yang jelas

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI

SHAH ALAM - Lonjakan harga baja global susulan konflik di Asia Barat menjadi amaran awal kepada sistem makanan negara kerana berpotensi meningkatkan kos sara hidup rakyat sekiranya tidak ditangani dengan langkah dasar yang jelas.

Baja ialah input asas iaitu apabila harga baja naik, kos pengeluaran meningkat dan apabila petani mengurangkan penggunaan baja kerana tidak mampu, hasil boleh menurun.

Sama ada petani mengambil langkah pertama atau kedua, yang menerima akibat akhir adalah rakyat kerana terpaksa bayar harga makanan lebih tinggi, sekali gus menjadikan kos sara hidup semakin menekan.

Pada masa sama, kenaikan harga diesel komersial ketika pasaran input global tidak stabil turut dilihat berisiko mempercepatkan peningkatan kos rantai makanan negara kerana bahan api tersebut merupakan penggerak utama sektor pertanian dan logistik makanan.

Ketua Penyelidik (Governans & Polisi) Yayasan Strategik Lestari, Dr Mukhtaruddin Musa berkata, krisis makanan tidak bergerak melalui satu saluran sahaja, ia bukan hanya melibatkan kos penghasilan dan pengagihan baja.

Beliau berkata, kesemuanya melibatkan sumber tenaga, diesel dan disebabkan itulah keputusan menaikkan harga diesel komersial pada saat pasaran input global bergolak perlu dinilai secara kritikal.

"Diesel bukan isu kecil, ia 'enjin' kepada rantai makanan daripada jentera ladang, pengangkutan baja dan hasil, operasi kilang pemrosesan, hingga penghantaran ke pasar dan pasar raya.

"Apabila diesel naik, ia menggerakkan kenaikan kos sepanjang rantai. Bagi tahun ini, pada akhir Mac, diesel di Semenanjung dilaporkan meningkat sehingga RM5.52 seliter. Ini bukan perubahan kecil, ia perubahan struktur kos," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Menurut Mukhtaruddin, krisis baja dan konflik geopolitik bukan perkara baharu berlaku, ia adalah krisis yang berlaku secara pasang surut.

"Krisis 2022 membuktikan ia dapat dikawal jika dasar penampan dibuat dengan tepat pada masanya. Hari ini, jika diesel dibiarkan menjadi pemangkin utama inflasi kos makanan, tekanan harga yang bakal muncul bukan lagi misteri.

"Ia hanya menunggu masa input baharu yang mahal menggantikan semuanya. Maka, soalan sebenar bukan 'adakah harga makanan akan naik', tetapi 'mengapa dasar yang mempercepat kenaikan itu tidak diperbetulkan daripada awal'.

"Itu yang perlu Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk



Lonjakan harga baja global susulan konflik di Asia Barat menjadi amaran awal kepada sistem makanan negara kerana berpotensi meningkatkan kos sara hidup rakyat. - Gambar hiasan

Seri Mohamad Sabu perlu lakukan, bukan dendang lagu lama," tegasnya.

Pakar Keterjaminan Makanan Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Emeritus Datuk Dr Mad Nasir Shamsudin pula mencadangkan supaya kerajaan menerusi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberi tumpuan kepada penyaluran bantuan bersasar seperti subsidi baja dan diesel kepada sektor pertanian dan makanan, sebagai strategi untuk menangani daripada berlakunya lonjakan harga makanan.

"Langkah ini penting kerana kos input yang tinggi boleh menyebabkan petani mengurangkan penggunaan baja, sekali gus menurunkan hasil pengeluaran dan mengurangkan kos

pengangkutan di sepanjang rantai bekalan. Ini sebagai strategi jangka pendek," ujarinya.

Sebagai usaha jangka panjang pula, Mad Nasir berkata, Malaysia perlu mengurangkan kebergantungan kepada import dengan melabur dalam pertanian tepat, teknologi moden dan pengeluaran input domestik.

Beliau berpandangan, pengukuhan logistik, rantai sejuk, serta kerjasama serantau dalam ASEAN juga penting bagi meningkatkan kecekapan dan daya tahan sistem makanan negara.

"Pendekatan seimbang ini bukan sahaja bantu menstabilkan pengeluaran, tetapi juga memastikan keterjaminan makanan negara dalam menghadapi ketidakpastian global," katanya.